



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBANTU RENDAH PENETASAN (E.1-2-3 EB.4)
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEMBANTU RENDAH PENETASAN

JABATAN PERIKANAN

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 EB KHAS \$895 – \$975 SEBULAN)

KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perikanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
3. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam alat-alat penangkapan ikan / cara-cara penangkapan ikan / jenis-jenis ikan / aktiviti-aktiviti penetasan ikan dan perusahaan-perusahaan perikanan yang lainnya adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu dalam kerja-kerja penetasan benih ikan dan udang;
2. Membantu dalam kerja-kerja memilih anak-anak ikan dan udang (*grading*);
3. Bertanggungjawab dalam kerja-kerja membersihkan tangki dan peralatan penetasan benih ikan dan udang;



4. Bertanggungjawab dalam menyediakan dan memberi makan ikan dan udang;
5. Bertanggungjawab dalam kerja-kerja membersih kawasan penetasan, pembesaran dan penghasilan serta memastikannya sentiasa dalam keadaan bersih; dan
6. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Divisyen dan Ketua Seksyen serta pegawai atasan dari semasa ke semasa.